



pelancaran Kempen Berjalan dan Larian Reben Putih 2013 (WRC) di ibu kota baru-baru ini.

Tanggal 25 November disambut setiap tahun di seluruh dunia sebagai menyokong program menangani isu

STATISTIK

Laporan polis keganasan terhadap wanita di Malaysia

(2000-2012) BH 14/10/13 MS 6

Tahun	Keganasan rumah tangga	Sumbang mahram	Rogol	Cabul kehormatan
2000	3,468	213	1,217	1,234
2001	3,107	246	1,386	1,393
2002	2,755	306	1,431	1,522
2003	2,555	254	1,479	1,399
2004	3,101	334	1,760	1,661
2005	3,093	295	1,931	1,746
2006	3,264	332	2,454	1,349
2007	3,756	360	3,098	2,243
2008	3,769	334	3,409	2,131
2009	3,643	385	3,626	2,110
2010	3,173	*	3,595	2,054
2011	3,277	342	3,301	1,941
2012	3,488	302	2,998	1,803

Sumber: PDRM

*Tidak diperolehi

lebih besar, tahun ini diharapkan dapat menjadi landasan kepada lelaki untuk bersuara dan lebih proaktif dalam memahami isu berkenaan dengan lebih menyeluruh.

Beliau berkata, berdasarkan pemerhatiannya, lelaki sebenarnya ingin membantu, tetapi mereka tidak tahu saluran dan peranan yang boleh dilakukan.

"Kami percaya, lelaki boleh menjadi sebahagian dalam kempen kami. Secara kolektif lelaki boleh memberikan sokongan dan melakukan apa saja dalam lingkungan pengertiannya untuk menghentikan keganasan terhadap wanita.

"Mungkin diri sendiri atau anak tidak menjadi mangsa keganasan, tetapi bagaimana saudara-mara atau rakan. Jangan pula kita 'mengunci mulut', kerana itu sama seperti kita merelakan keganasan terus berlaku," katanya.

Pendaftaran larian boleh didapati di www.themathonshop.com.my atau www.awam.org.my atau hubungi talian 03-7877 4221.